

## **Latihan neurofeedback: Rawatan inovasi bagi kanak-kanak ADHA**

### **ABSTRAK**

Menurut Kementerian Kesihatan Malaysia, 4.3% kanak-kanak Malaysia (5–15 tahun) mempunyai ciri-ciri Attention Deficit Disorder (ADHD). Simptom utama ADHD termasuklah kesukaran mengawal selia perhatian/tumpuan, mudah terganggu, dan hiperaktif. Gelombang otak teta yang tinggi dan beta yang rendah menyebabkan masalah tumpuan dan ingatan yang rendah bagi kanak-kanak ADHD. Pada masa ini, ADHD tidak boleh diubati dan hanya boleh dikawal menggunakan rawatan ubat. Namun, pengambilan ubat-ubatan (methylphenidate) sentiasa membawa kepada kesan sampingan dan kurang respons kanak-kanak ADHD terhadap ubat. Terdapat pengkaji yang menyarankan latihan neurofeedback sebagai pilihan rawatan tambahan atau alternatif untuk kanak-kanak ADHD. Latihan neurofeedback adalah ia selamat, tidak invasif berbanding dengan rawatan dengan ubat-ubatan. Artikel ini memperkenalkan berkenaan latihan neurofeedback sebagai salah satu teknik berpotensi dalam merawat kanak-kanak ADHD.